

# Undang-undang menunggu Ashaari

BH - 2 AUG 1994

Oleh Lichong Angkui

RAWANG, Isnin - Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemimpin al-Arqam, Ashaari Muhammad, jika dia kembali ke negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, banyak bukti menunjukkan ajaran kumpulan itu sudah menyimpang jauh daripada Islam dan kerajaan akan mengambil tindakan berdasarkan bukti yang dikumpul.

"Kali ini kita ada banyak bukti dan jelas ia menyimpang daripada ajaran Islam. Oleh itu, saya berpendapat masalah keengganan untuk mengambil tindakan tidak timbul.

"Dulu yang menjadi masalah ialah kadang-kadang ada orang yang tidak begitu yakin al-Arqam menyeleweng tetapi sekarang ini sudah jelas (menyimpang). Jadi, saya yakin tindakan akan diambil," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Kilang Kereta Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) di Mukim Serendah, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan ke atas Ashaari bergantung kepada perbuatannya yang bertentangan dengan undang-undang negara serta keputusan pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang itu.

"Apabila dia masuk, dia kena menghadapi tindakan kerajaan kalau ada apa-apa yang dia buat bertentangan dengan undang-undang," katanya.

Ashaari yang meninggalkan Malaysia pada 1988, menjadikan Thailand sebagai pusat operasi pergerakannya. Bagaimanapun, beliau menghadapi masalah untuk terus tinggal di negara itu kerana Kerajaan Thailand tidak mahu melanjutkan visanya yang tamat pada 20 Julai lalu.

Pemimpin al-Arqam itu juga diminta oleh Kerajaan Thailand untuk meninggalkan negara itu dalam tempoh seminggu, manakala Kerajaan Indonesia pula bulan lalu membuat keputusan melarang Ashaari masuk ke negara itu.

Pada 11 Julai lalu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, menegaskan tindakan pengikut al-Arqam memuja Ashaari secara berlebihan dan membuta tuli boleh menimbulkan pertelingkahan agama serta menjejaskan ketenteraman awam negara.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan supaya amalan itu dihentikan jika tidak mahu dikenakan tindakan undang-undang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, minggu lalu berkata kumpulan al-Arqam akan diharamkan sebaik saja Majlis Fatwa Kebangsaan mewartakan bahawa kegiatan pergerakan itu bercanggah daripada akidah Islam, pada 5 Ogos ini.